



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH CORAK ORIENTASI MATLAMAT, TAHAP KEBIMBANGAN DAN TAHAP KEAGRESIFAN TERHADAP PRESTASI

SITI AISHAH BINTI MD YUSOP



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SAINS SUKAN (PSIKOLOGI SUKAN)
(MOD PENYELIDIKAN)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan, keyakinan diri, keagresifan dan kesannya terhadap pemain bola baling bawah 18 tahun. Rekabentuk kajian adalah kaedah tinjauan menggunakan soal selidik *Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ), *The Competitive Anxiety Inventory 2* (CSAI-2) dan *The Judgement About Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire* (JAMBYSQ). Responden kajian adalah atlet bola baling bawah 18 tahun yang mewakili lapan buah daerah di Negeri Sembilan pada tahun 2014 ($n = 192$, 96 lelaki dan 96 perempuan). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif (peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai), statistik inferens ujian-t dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan corak orientasi tugas atlet bola baling perempuan adalah lebih tinggi berbanding atlet lelaki bagi kedua-dua orientasi tugas ($p < 0.01$) dan ego ($p < 0.01$). Analisis ujian-t menunjukkan atlet bola baling perempuan mempunyai tahap kebimbangan kognitif ($p < 0.01$) dan somatik ($p < 0.01$) yang lebih tinggi berbanding atlet lelaki. Namun, dari aspek keyakinan diri, atlet bola baling lelaki mempunyai tahap keyakinan diri yang lebih tinggi berbanding atlet perempuan ($p < 0.01$). Seterusnya, dari aspek tahap keagresifan pula, dapatan kajian menunjukkan atlet perempuan lebih cenderung untuk melakukan tindakan agresif berbanding atlet bola baling lelaki. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa orientasi matlamat mempengaruhi pencapaian prestasi atlet bola baling lelaki dan perempuan ($R^2 = .012$). Kesimpulannya, orientasi matlamat mempengaruhi prestasi atlet bola baling, manakala tahap kebimbangan (kognitif dan somatik), keyakinan diri dan tindakan agresif tidak mempengaruhi pencapaian prestasi atlet. Implikasinya jurulatih perlu memberi penekanan terhadap orientasi matlamat tugas berbanding orientasi ego.



INFLUENCE OF GOAL ORIENTATION, ANXIETY AND AGGRESSION ON THE PERFORMANCE

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the influence of goal orientation, anxiety, self-confidence, aggression and their impact on the performance of the handball athletes under 18 years old. The study utilized the survey method using *The Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire* (TEOSQ), *The Competitive Anxiety Inventory 2* (CSAI-2) and *The Judgement About Moral Behaviour in Youth Sport Questionnaire* (JAMBYSQ). The respondents were U-18 handball athletes representing eight districts in Negeri Sembilan ($n = 192$, 96 males and 96 females). The data was analysed using descriptive statistic (percentage, frequency, min and standard deviation), inferential statistic t-test and regression. The findings revealed that the female handball athletes recorded higher mean scores for both task ($p < 0.01$) and ego ($p < 0.01$) orientations, as compared to male athletes. Analysis of t-test showed that female handball athletes had higher levels of cognitive ($p < 0.01$) and somatic anxiety ($p < 0.01$) as compared to the males. However, in terms of self confidence level, the male athletes were found to possess a better confidence level than female handball athletes ($p < 0.01$). In term of aggression, the results of this study showed female athletes were more likely to commit aggressive action than the men's handball athlete. The study also revealed that goal orientations influenced the performance of both the male and female handball athletes ($R^2 = .012$). In conclusion goal orientation influenced performance of hand ball athletes, while the anxiety (cognitive and somatic), self-confidence and aggression did not have any influence on the athletes' achievement. The implication of the findings revealed the coaches should focus more on task than ego orientation coaching approach.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kerangka Konseptual	7
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Kepentingan Kajian	10



1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	16
1.7.1	Delimitasi Kajian	16
1.7.2	Limitasi Kajian	17
1.8	Definisi Operasional	18

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Orientasi Matlamat	24
2.2.1	Teori Berkaitan Orientasi Matlamat	28
2.3	Kebimbangan	33
2.4	Keyakinan Diri	35
2.5	Keagresifan	39
2.5.1	Faktor-faktor Mempengaruhi Keagresifan Atlet Dalam Sukan	42
2.5.2	Jenis-jenis keagresifan	51
2.6	Kajian Berkaitan Corak Orientasi Matlamat	54
2.7	Kajian Berkaitan Tahap Kebimbangan	56
2.8	Kajian Berkaitan Tahap Keagresifan	59



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Responden Kajian	65
3.4	Instrumen Kajian	66
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	72
3.6	Kajian Rintis	74
3.7	Penganalisan Data	77
3.8	Kesimpulan	79

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	80
4.2	Latar Belakang Responden	81
4.3	Corak Orientasi Matlamat	83
4.4	Tahap Kebimbangan	88
4.4.1	Tahap Kebimbangan Kognitif	89
4.4.2	Tahap Kebimbangan Somatik	91
4.4.3	Tahap Keyakinan Diri	93
4.5	Tahap Keagresifan	95





BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	106
5.2	Perbincangan	109
5.2.1	Orientasi Matlamat Pemain Bola Baling	110
5.2.2	Corak Kebimbangan Pemain Bola Baling	112
5.2.3	Tahap Keagresifan Pemain Bola Baling	114
5.3	Kesimpulan	118
5.4	Cadangan	121

RUJUKAN

123



LAMPIRAN

130



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Bilangan Atlet Mengikut Daerah	65
3.2	Kategori Respon Atlet Terhadap Corak Orientasi Matlamat	67
3.3	Kategori Respon Atlet Terhadap Tahap Kebimbangan	68
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina, Kaum, Umur, Pengalaman Bermain dan Peringkat Tertinggi Mewakili Pasukan	81
4.2	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Orientasi Matlamat	82
4.3	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Orientasi Matlamat bagi Pemain Bola Baling Lelaki Bawah 18 Tahun	83
4.4	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Orientasi Matlamat bagi Pemain Bola Baling Perempuan Bawah 18 Tahun	84
4.5	Ujian -t Perbezaan Orientasi Tugas bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	85
4.6	Ujian -t Perbezaan Orientasi Ego bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	86

4.7	Analisa Skor CSAI-2 Mengikut Julat 9 sehingga 36	87
4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Tahap Kebimbangan Kognitif, Somatik dan Keyakinan Diri bagi Pemain Bola Baling Lelaki Bawah 18 Tahun	88
4.9	Ujian -t Perbezaan Tahap keseimbangan Kognitif bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	89
4.10	Ujian -t Perbezaan Tahap keseimbangan Somatik bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	91
4.11	Ujian -t Perbezaan Tahap Keyakinan Diri bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	93
4.12	Analisis Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Tahap Keagresifan bagi Pemain Bola Baling Lelaki dan Perempuan Bawah 18 Tahun	95
4.13	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Situasi Keagresifan bagi Pemain Bola Baling Lelaki Bawah 18 Tahun	96
4.14	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Situasi Keagresifan bagi Pemain Bola Baling Perempuan Bawah 18 Tahun	97
4.15	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Individu Utama Mempengaruhi Tindakan Agresif bagi Pemain Bola Baling Lelaki Bawah 18 Tahun	99
4.16	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item Individu Utama Mempengaruhi Tindakan Agresif bagi Pemain Bola Baling Perempuan Bawah 18 Tahun	100

4.17

Keputusan Analisis Regresi Berganda

103

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep	7
2.1	Teori Keperluan Pencapaian	30



SENARAI LAMPIRAN

- A Demografi
- B Corak Orientasi Matlamat (TEOSQ)
- C Tahap Kebimbangan (CSAI-2)
- D Tahap Keagresifan (JAMBYSQ) - lelaki
- E Tahap Keagresifan (JAMBYSQ) - perempuan





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Dalam era globalisasi ini, sukan adalah satu aktiviti yang dilakukan bagi masyarakat dalam menjaga kesihatan. Terdapat juga individu yang mengisi waktu senggang mereka dengan melakukan aktiviti sukan yang mereka minati, malah terdapat juga sesetengah individu menjadikan sukan itu sebagai sumber pendapatan atau mata pencarian rezeki mereka. Sejarar dengan itu, sukan bola baling turut merupakan sukan yang sangat dikenali, digemari, dimainkan oleh sesiapa sahaja sama ada bermula pada akar umbi sehinggalah ke peringkat yang lebih profesional. Perkembangannya sentiasa di ikuti tanpa mengira dalam negeri mahupun luar negara dengan penuh semangat, minat dan emosi. Kesan daripada pengaruh sukan bola baling ini amat besar dalam masyarakat kita. Tidak dapat dinafikan, sukan ini mampu menyatukan dan mengumpulkan pelbagai kaum





yang ada di negara ini untuk berada di bawah satu bumbung. Di Malaysia, seringkali juga dianjurkan sukan-sukan yang berprestasi tinggi bagi menarik minat rakyat tempatan agar terus memberi sokongan kepada atlet-atlet yang telah berjuang untuk negara terutama di dalam sukan bola baling. Hasil daripada pengaruh yang besar dan minat yang begitu mendalam oleh rakyat malaysia terhadap sukan bola baling, maka tercetuslah pelbagai idea yang bernas dan kreatif terhadap sukan bola baling ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga unsur komersial bagi memperagamkan sukan bola baling ini agar lebih diminati namun nilai-nilai asli dalam permainan tetap diterapkan agar keaslian permainan tetap ada. Ibarat pepatah tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.



Sukan bola baling turut dikenali sebagai salah satu daripada sukan kontak kerana ia merupakan permainan yang sangat pantas dan agresif. Setiap pasukan akan berusaha untuk mendapatkan bola bagi membolehkan mereka membuat jaringan gol bagi menambah skor dan mengalahkan pihak lawan. Menurut James dan David (2012), sukan bola baling merupakan sukan yang mempunyai risiko kecederaan yang sangat tinggi. Bersesuaian dengan kajian daripada Junge, Sielaff dan Engelbreth (2009) iaitu berdasarkan data yang diambil daripada sukan Olimpik Beijing menunjukkan kadar kecederaan atlet yang tinggi adalah daripada permainan bola baling iaitu 92 peratus kecederaan berlaku ketika berlangsungnya perlawanan bola baling. Hal ini menunjukkan sukan bola baling perlu diberi perhatian sepenuhnya bagi mengelakkan berlakunya kekasaran dan tindakan agresif daripada pemain. Pengadil yang bertauliah amat diperlukan bagi mengawal dan melicinkan sukan yang berlangsung supaya tidak ada pihak yang melakukan kekasaran akibat daripada rasa tidak puas hati.





Setiap pemain pasti mempunyai orientasi matlamat ketika menceburkan diri dalam bidang sukan mahupun bertanding dalam sesuatu acara yang dipertandingkan. Pemain ini lebih akan sentiasa menonjolkan diri dan berusaha dengan pelbagai kaedah, cara, teknik mahupun taktik bagi memastikan mereka mencapai apa yang dihasratkan. Sebagai lanjutan daripada Gill (2000) dalam bukunya, beliau menyatakan corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaannya. Individu yang berorientasikan tugas, akan tertumpu kepada perbandingan pencapaian dengan tahap kemajuan diri individu itu sendiri. Manakala individu yang berorientasikan ego pula akan tertumpu kepada pencapaian dengan menewaskan pihak lawan. Oleh yang demikian, kita akan dapat mengenali seseorang melalui corak orientasi matlamat sama ada berorientasikan ego mahupun tugas. Bersangkutan dengan itu, melalui Kajian Nicholls (1989), beliau menyatakan bahawa individu yang bersukan berlandaskan tugas akan berusaha dengan bersungguh-sungguh dan berusaha dengan gigih untuk memenangi perlawanan. Dapatan kajian Shahrudin (2006) menunjukkan bahawa individu yang berlandaskan ego amat cenderung untuk menarik diri dari sukan apabila mereka kalah dalam sesuatu perlawanan. Individu yang berlandaskan ego juga akan lebih cenderung untuk melakukan tindakan agresif sewaktu bermain berbanding individu yang bersukan berlandaskan orientasi tugas (Weinberg & Gould, 2015).

Kajian Duda (2002) turut bersetuju bahawa atlet yang berlandaskan corak orientasi ego yang tinggi dan berlandaskan corak orientasi tugas yang rendah, akan mengalami kebimbangan paling tinggi sebelum dan semasa perlawanan berlangsung.





Atlet ini akan menghadapi masalah sukar memberi tumpuan terhadap perlawanan dan secara tidak langsung akan memberi impak pada prestasi keseluruhan permainan.

Terdapat beberapa faktor yang boleh mendorong kejayaan seseorang atlet dan salah satu daripadanya adalah mempunyai keyakinan diri (Vealey, Hayashi, Garner-Holmen, & Giacobbi, 1999). Keyakinan dalam diri setiap atlet sememangnya penting kerana dengan adanya keyakinan yang baik maka seseorang atlet berjaya menghasilkan aksi yang cemerlang semasa pertandingan dijalankan. Di Malaysia, terdapat pelbagai pihak telah mencuba dan sentiasa berusaha untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi dan sentiasa berdaya saing di peringkat yang tertinggi. Namun begitu, kecemerlangan tidak akan mudah di gapai tanpa gabungan aspek-aspek fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani yang menyeluruh.



Martens (1987) mengatakan atlet yang mengalami tahap kebimbangan yang terlalu tinggi tidak akan dapat mencatatkan keputusan yang baik dalam perlawanan. Hal ini akan mengakibatkan atlet ini sering gagal untuk menempa kejayaan kerana kesan daripada corak orientasi ego yang terlalu tinggi sering memberi tekanan terhadap atlet tersebut. Kesannya, pencapaian atlet ini akan terus menjunam. Walau bagaimanapun, kebimbangan merupakan suatu fitrah yang dikurniakan Allah s.w.t ke atas hambanya yang mempunyai akal dan emosi. Terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh pakar psikologi berkenaan kebimbangan. Sebagai contoh, Shahrudin (2006) mendefinisikan tahap kebimbangan sebagai kesan kognitif atau emosi yang terhasil daripada persepsi terhadap situasi yang dihadapi yang dilahirkan dalam bentuk ancaman





yang bakal diterima oleh seseorang individu seperti kekalahan, ugutan fizikal, rasa malu dan sebagainya. Apabila bertanyakan tentang kehebatan yang ada pada setiap pihak lawan, atlet akan menunjukkan pelbagai reaksi yang menunjukkan pelbagai aras kebimbangan dalam diri atlet bola baling. Hal ini mungkin akan memberikan kesan tindak balas yang keterlaluan lalu mencapai tahap kebimbangan yang melampau dan tidak terkawal.

Istilah keagresifan sering dikaitkan dengan perlakuan yang negatif dan bertentangan dengan etika kesukanan (Silva, 1992). Adakalanya keagresifan itu merupakan satu keperluan dalam diri atlet dalam mencapai kejayaan, namun seringkali keagresifan itu dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak diingini seperti membentek pihak lawan dengan sengaja, provokasi terhadap pihak lawan, dan sebagainya. Hal ini biasanya terjadi di waktu kemuncak perlawanan dimana pihak lawan mendahului mata dalam perlawanan. Situasi ini boleh mengganggu kelancaran sepanjang permainan dan mengakibatkan pemain-pemain hilang fokus untuk bermain.

Oleh yang demikian, tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji antara corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan keagresifan terhadap pemain bola baling bawah 18 dan kesannya terhadap prestasi. Isu yang diberi perhatian dalam kajian ini adalah mengkaji apakah corak orientasi matlamat dalam kalangan atlet, tahap kebimbangan atlet dan punca yang mendorong atlet melakukan keagresifan yang sedemikian. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara ketiga-tiga






pembolehubah terhadap pencapaian sukan dan mengkaji bagaimana atlet membuat sesuatu keputusan terutama dalam situasi-situasi genting semasa pertandingan. Bersesuaian dengan Nathan (2016) menyatakan membuat keputusan adalah “apayang hendak dilalukan semasa permainan”. Pengetahuan terhadap ketiga-tiga pembolehubah ini amat penting dalam pembangunan sukan yang bermula daripada akar umbi sehinggalah golongan elit agar dapat menjulang semua sukan di Malaysia ke persada dunia.



1.2 Kerangka Konsep



Rajah 1.1. Kerangka Konsep



1.3 Pernyataan Masalah

Pada umumnya, permasalahan yang hendak dikaji oleh penyelidik adalah mengkaji sama ada wujudnya perkaitan antara orientasi matlamat yang melibatkan tugas dan ego, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan terhadap pencapaian prestasi atlet bola baling bawah 18 peringkat negeri. Penyelidik juga ingin mengkaji sejauhmana corak orientasi matlamat yang tinggi dan tahap kebimbangan yang tinggi boleh memberi kesan sekiranya tidak dikawal dengan baik. Sebilangan besar pemain atau atlet tidak dapat memberikan mutu persembahan yang cemerlang dan kurang keyakinan diri kerana masalah gangguan kebimbangan (Weinberg & Gould, 2015). Hal ini akan menjejaskan reputasi sekolah, daerah dan negeri yang akan diwakili oleh pasukan tersebut. Sering dikatakan bahawa isu keagresifan dalam kalangan atlet kian menjadi topik perbualan pengkritik sukan apabila statistik yang diperoleh dijadikan sebagai bahan ukuran dan mula dipertikaikan. Situasi ini perlu diberi perhatian lebih mendalam dengan memberi penekanan terhadap perlawanan agar tidak timbul sebarang tindakan aksi fizikal yang beremosi negatif supaya penonton dapat melihat situasi perlawanan yang bersih dan akan berpuas hati dengan perlawanan tersebut.

Sememangnya faktor corak orientasi matlamat tugas dan ego sangat memberi kesan terhadap segala tindakan pemain yang di pengaruhi oleh orientasi matlamat. Malah apabila orientasi matlamat ini digabungkan dengan tahap kebimbangan yang pelbagai, secara teorinya hal ini akan menyebabkan berlakunya tindakan agresif dalam kalangan pemain yang bermatlamatkan kemenangan di tempat yang pertama. Berdasarkan





pembacaan penyelidik, corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan keagresifan yang wujud dalam diri atlet juga merupakan salah satu daripada punca kegagalan atlet negara untuk beraksi dengan lebih baik di negara lain. Penyelidik ingin mengkaji sama ada wujudnya perkaitan di antara faktor-faktor individu, persekitaran (cuaca, situasi pertandingan dan penonton) atau mungkin melibatkan masalah psikologi dalam kalangan atlet dan jurulatih yang menjadi pendorong kepada kegagalan dalam sukan berkumpulan ini. Seterusnya akan mengaitkan pembolehubah-pembolehubah yang manakah memberi impak yang lebih besar sehingga berlakunya isu keagresifan yang membawa kepada kegagalan. Masalah ini bukanlah sesuatu fenomena yang baru dalam kalangan atlet dan oleh kerana pendekatan latihan mental yang kurang di beri penekanan oleh jurulatih, hal ini mungkin akan menjadi sebagai salah satu penyumbang yang menyebabkan atlet gagal menangani masalah orientasi matlamat, kebimbangan dan keagresifan yang dihadapi.

Situasi ini perlu diberi tumpuan dari peringkat yang paling bawah bermula dari sekolah rendah supaya mereka dapat membiasakan diri menangani masalah latihan mental apabila beraksi dalam apa jua acara sukan. Oleh itu, faktor penyebab masalah corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan dalam kalangan atlet perlu dikenal pasti bagi menentukan kaedah yang sesuai digunakan agar dapat membantu atlet menangani masalah yang sering berlaku seterusnya meningkatkan lagi prestasi dan mutu sukan bola baling yang ingin diwakili.



1.4 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang telah dijalankan ini merupakan tunjang dan asas yang amat penting dalam merancang program asas latihan bermula daripada atlet di peringkat akar umbi sehinggalah atlet elit / profesional. Dapatan ini sedikit sebanyak berupaya memberi sumbangan kepada pihak tertentu dalam penambahbaikan dan mempertingkatkan mutu sukan bola baling di Malaysia. Lanjutan itu, dalam kajian Jianyu dan Wenhao (2012) selain daripada kemahiran, peranan semua individu amat penting kerana ia meyumbang kepada prestasi seseorang atlet semasa pertandingan. Ini membuktikan semua pihak perlu memainkan peranan yang penting bagi memastikan atlet terus bersemangat dan sebagai pendorong sesuatu kejayaan atlet.

1.4.1 Kepentingan Kajian Terhadap Atlet

Kajian yang telah dijalankan ini di anggap perlu kerana dapat membantu atlet mengkaji semula diri mereka sendiri berkenaan gabungan yang sesuai atau terbaik di antara orientasi matlamat, kebimbangan dan kegresifan dalam usaha meningkatkan pencapaian prestasi diri masing-masing. Penyelidik telah mengkaji sejauh mana corak orientasi matlamat yang tinggi dan tahap kebimbangan yang tinggi boleh memberi kesan sekiranya tidak dikawal dengan baik. Melalui pembacaan dapatan kajian ini juga, atlet boleh memperbaiki corak orientasi matlamat yang lebih bersesuaian dengan diri setiap atlet, cuba mengikis tahap kebimbangan negatif yang mungkin mengganggu prestasi dan

mengelakkan tindakan agresif yang boleh membuatkan pemain hilang fokus terhadap perlawanan ketika bermain.

1.4.2 Kepentingan Kajian Terhadap Jurulatih

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa kepentingan kajian ini juga akan menjadi sumber dan panduan kepada para jurulatih. Hasil dapatan kajian ini akan dapat membantu jurulatih memahami atlet yang dilatih oleh mereka, dapat mengenal pasti kelemahan atlet di bawah jagaannya terutama atlet yang berisiko melakukan tindakan agresif serta faktor-faktor yang mempengaruhi atlet bertindak agresif ketika perlawanan.

Selain itu juga, dapat menjalankan latihan pembangunan dengan lebih baik seterusnya dapat menetapkan matlamat dalam memburu kejayaan dalam perlawanan.

1.4.3 Kepentingan Kajian Terhadap Masyarakat dan Ibu bapa

Kementerian telah mewujudkan satu dasar yang dipanggil program pemantapan sarana ibu bapa dan sarana sekolah. Program ini diperkenalkan bagi menambah penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak luar sama ada pihak swasta mahupun badan kerajaan secara aktif dan meluas terhadap program-program yang dijalankan di sekolah. Oleh yang demikian, ibu bapa juga mempunyai tanggungjawab bersama barisan guru dan berperanan sebagai jurulatih terhadap anak-anak mereka yang terpilih dalam sukan bola

baling. Dapatan kajian ini di harap dapat membantu ibu bapa dan masyarakat untuk lebih mengenali masalah yang ditimbulkan oleh anak-anak mereka dalam sukan bola baling.

1.4.4 Kepentingan Kajian Terhadap Pentadbiran Sekolah

Dapatan kajian ini akan membantu pihak universiti untuk mempertingkatkan lagi program-program latihan pembangunan sukan agar mereka dapat memainkan peranan secara aktif dan penuh tanggungjawab. Keberhasilan ini akan berupaya mencerminkan bahawa pihak universiti sentiasa mengambil berat dan sentiasa membuat anjakan paradigma dalam meningkatkan mutu sukan bola baling di Negeri Sembilan sehingga ke peringkat antarabangsa.

1.4.5 Kepentingan Kajian Terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia

Di harap kajian ini dapat memberi cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi mengurangkan masalah yang sering di hadapi oleh jurulatih dalam menangani atlet-atlet di bawah mereka sama ada peringkat Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD), Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSSN) mahupun Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Ia bersesuaian dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang ingin meningkatkan mutu sukan dan aktiviti kokurikulum dalam kalangan pelajar.



1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, objektif kajian telah dirancang bagi membolehkan kajian ini berjalan dengan lancar dan bertepatan dengan konsep kajian yang akan dijalankan. Objektif kajian yang akan dijalankan ialah :

1.5.1 Mengenal pasti corak orientasi matlamat atlet bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan.

1.5.2 Mengenal pasti tahap kebimbangan pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan.

1.5.3 Mengenal pasti tahap keyakinan diri pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan.

1.5.4 Mengenal pasti tahap keagresifan di antara pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan.

1.5.5 Mengenal pasti hubungan antara corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan dengan prestasi pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan.





1.6 Persoalan Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengkaji beberapa persoalan perkaitan corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan seperti berikut :

1. Apakah corak orientasi matlamat pemain bola baling lelaki dan perempuan bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
2. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat di antara pemain bola baling lelaki dan perempuan?
3. Apakah tahap kebimbangan kognitif lelaki dan perempuan dalam kalangan pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
4. Adakah terbezaan tahap kebimbangan kognitif di antara pemain bola baling lelaki dan perempuan
5. Apakah tahap kebimbangan somatik lelaki dan perempuan dalam kalangan pemain bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
6. Adakah terdapat perbezaan tahap kebimbangan kognitif di antara pemain bola baling lelaki dan perempuan





7. Apakah tahap keyakinan diri dalam kalangan pemain lelaki dan perempuan bola baling bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
8. Adakah terdapat perbezaan tahap keyakinan diri di antara pemain bola baling lelaki dan perempuan
9. Apakah tahap keagresifan dalam kalangan pemain bola baling lelaki dan perempuan bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
10. Apakah situasi keagresifan dalam kalangan pemain bola baling lelaki dan perempuan bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
11. Siapakah individu utama yang mempengaruhi tindakan keagresifan dalam kalangan pemain bola baling lelaki dan perempuan bawah 18 tahun di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?
12. Adakah terdapat pengaruh antara orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan terhadap pencapaian prestasi di Kejohanan Bola Baling Peringkat Negeri, Negeri Sembilan?





1.7 Batasan Kajian

Menurut Chaterine Marshall dan Gretchen (2016), setiap had kajian yang ditetapkan oleh penyelidik yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Batasan kajian ini dibahagikan kepada delimitasi kajian dan limitasi kajian. Pengkaji telah mengenalpasti beberapa beberapa delimitasi dan limitasi yang akan mempengaruhi kajian ini.

1.7.1 Delimitasi Kajian

Kajian ini dibatasi oleh delimitasi seperti berikut :



1.7.1.1 Kajian ini terbatas kepada atlet bawah 18 tahun yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang menyertai Kejohanan Bola Baling peringkat negeri tahun 2013. Oleh yang demikian, kajian ini tidak dapat menggambarkan corak orientasi matlamat, tahap kebimbangan dan tahap keagresifan keseluruhan atlet bola baling bawah 18 di negara ini.

1.7.1.2 Penilaian mengenai corak orientasi matlamat terbatas kepada ujian menggunakan soal selidik 'Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ)'. Atlet tidak berpeluang memberikan jawapan mereka sendiri mengenai corak orientasi matlamat mereka





1.7.1.3 Penilaian mengenai tahap kebimbangan terbatas kepada ujian menggunakan soal selidik ‘The Competetive Anxiety Inventory 2 (CSAI-2)’. Atlet tidak berpeluang memberikan jawapan mereka sendiri mengenai kebimbangan mereka.

1.7.1.4 Penilaian mengenai tahap keagresifan terbatas kepada ujian menggunakan soal selidik ‘The Judgements About Moral Behavior In Youth Sports Questionnaire (JAMBYSQ)’. Atlet tidak berpeluang memberikan jawapan mereka sendiri mengenai keagresifan mereka.

1.7.2 Limitasi Kajian



Antara limitasi kajian yang perlu dipertimbangkan dalam membuat kesimpulan dan perbincangan kajian adalah :

1.7.2.1 ketepatan kajian terbatas kepada keikhlasan dan kejujuran yang akan diperlihatkan oleh sampel dalam menjawab soal selidik yang bakal diberi oleh penyelidik.

1.7.2.2 faktor persekitaran, tahap kesihatan, emosi responden dan faktor masa menghadkan pengambilan sampel yang lebih besar.





1.8 Definisi Operasional

Istilah-istilah berikut adalah dijelaskan untuk memudahkan pembaca memahami maksud yang berkenaan :

Atlet Bola Baling :-

Atlet bola baling adalah merujuk kepada pasukan lelaki dan perempuan yang terpilih mewakili daerah masing-masing antara lingkungan umur di bawah 18 tahun di Negeri Sembilan.



Orientasi Matlamat:-

Orientasi matlamat merujuk kepada bagaimana seseorang individu itu mendefinisikan kejayaannya. Dalam kajian ini, orientasi matlamat diukur dengan menggunakan borang soal selidik ‘Task and Ego Orientation in Sports Questionnaire (TEOSQ)’.

Orientasi Tugas :-

Orientasi tugas adalah ciri-ciri keupayaan individu yang berfokus kepada pembentukan kemahiran baru, memberi penekanan kepada ikhtiar dan berusaha dengan sebaik mungkin melakukan tugas yang diberi dengan penuh kesempurnaan berdasarkan kemampuan yang di miliki. Dalam konteks kajian ini, orientasi tugas dirujuk kepada



sejauhmana atlet merasa kejayaan telah dicapai apabila berjaya mempelajari kemahiran tersebut.

Orientasi Ego :-

Orientasi ego adalah sikap seseorang yang memikirkan dan membandingkan kemampuan atau prestasi dirinya dengan pihak lawan. Ciri-ciri keupayaan individu itu akan cuba untuk melihatkan kemampuan terbaiknya dengan prestasi ahli yang lain. (Duda et al, 2002). Individu ini sering merasakan dirinya telah berjaya mengalahkan pihak lawan dan telah meraih kemenangan

Kebimbangan Kognitif :-

Kebimbangan kognitif merupakan merupakan komponen mental keseimbangan seketika. Ia merujuk kepada proses mental yang bersifat kognitif (minda) yang berlaku akibat daripada tafsiran terhadap situasi semasa. (Shaharudin Abd. Aziz, 2006). Dalam konteks kajian ini



Kebimbangan Somatik :-

Kebimbangan somatik merujuk kepada aspek fisiologikal dan afektif individu kesan daripada keseimbangan kognitif yang wujud dalam diri yang mengakibatkan kebangkitan autonomik dan rasa kurang selesa. (Shaharudin Abd. Aziz, 2006)

Kebimbangan state :-

Kebimbangan state merujuk kepada kesan tindak balas psikologi. Biasanya ia membawa perasaan tidak senang terhadap sesuatu yang tidak dapat dipastikan yang menyebabkan kenaikan tahap pendengaran dan tekanan darah serta meningkatkan rasa gugup. Keresahan ini merangsang tindak balas seperti "menolak atau perasaan ingin membalas perkara yang sama". Tindakan ini melepaskan adrenalin ke dalam aliran darah, dan biasanya mempunyai kesan negatif terhadap prestasi. (Nuraini et al, 2017)

Keagresifan :-

Merupakan apa sahaja bentuk tindakan dan perlakuan yang bermatlamat untuk menyebabkan kecederaan ke atas benda hidup yang lain yang bermotivasi untuk mengelak diri daripada dcederakan (Baron, R, 1977). Intrumen yang digunakan untuk mengukur kajian ini adalah The Judgement About Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire (JAMBYSQ ; Stephens, 1993 terjemahan Shaharudin, 2006)





Keagresifan Instrumental :-

Keagresifan Instrumental merujuk kepada tindakan agresif yang bermatlamat yang akan memberi faedah kepada dirinya atau pasukan semasa perlawanan. Tingkah laku agresif yang bertujuan untuk memperolehi faedah-faedah lain tanpa mencederakan orang lain. (Bushman, 2016)

Keagresifan Ketara :-

Keagresifan ketara merujuk kepada tingkah laku agresif yang yang dilakukan sama ada secara lisan atau fizikal yang bertujuan dengan sengaja untuk mencederakan lawan dan membuatkan mangsa menderita. (Bushman, 2016)

Keagresifan Asertif :-

Tingkah laku yang merujuk kepada penggunaan fizikal atau verbal dengan cara yang dibenarkan mengikut peraturan permainan. Tindakan ini dilakukan tanpa niat mendatangkan kecederaan tetapi perlu melakukannya untuk mendapatkan mata / mencapai kemenangan. (Ioana Oproiu, 2013)





Kebangkitan :-

Kebangkitan merupakan tahap kesediaan fisiologi tubuh yang berada dalam satu keadaan dari tidur yang lena sehingga keseronokan yang terlampau. Perubahan ini berlaku dalam diri setiap pemain setelah menerima rangsangan dari persekitaran seterusnya akan mempengaruhi tindakan individu tersebut. (Shaharudin Abd. Aziz, 2006)

Pencapaian :-

Pencapaian merujuk kepada prestasi dalam kejohanan bola baling di peringkat MSSNS.

Pemain yang layak ke semi final di anggap kumpulan yang berjaya manakala pemain yang tidak Berjaya ke semi final di anggap sebagai kumpulan yang gagal.

